



**IKLAN JAWATAN-JAWATAN KOSONG DALAM PERKHIDMATAN AWAM
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

PENGIKLANAN JAWATAN MENURUT PERATURAN 7(a) - GAJI HARI

IKLAN ADALAH DIBUKAKAN KEPADA ORANG RAMAI


TARIKH IKLAN: 09 SEPTEMBER 2020

TARIKH TUTUP PERMOHONAN: 23 SEPTEMBER 2020

BILANGAN IKLAN (04)SPA/2/2007/20

PERATURAN 7(a) – GAJI HARI

- (A) PEMOHON terdiri daripada Rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
 - (B) Pemohon mempunyai pengetahuan kerasmian agama Islam, adat istiadat, kebudayaan, perkembangan sosial, ekonomi dan politik Negara Brunei Darussalam.
 - (C) Bersedia untuk bertugas bila-bila masa di luar waktu bekerja biasa atau bekerja secara bergilir-gilir (*shift*) atau semasa cuti awam dan juga hendaklah bersedia untuk bertugas di mana-mana daerah di negara ini.
 - (D) Cara permohonan – Rujuk di ruang **PEMBERITAHUAN**.
-
-



IKLAN JAWATAN KOSONG UNTUK PENGAMBILAN SECARA BERGAJI HARI


**GH3. PEGAWAI PELAJARAN
JABATAN SEKOLAH-SEKOLAH
KEMENTERIAN PENDIDIKAN
G.13 (BAHAGIAN II)
KEKOSONGAN = DUA (02)**

MATAPELAJARAN *CHEMISTRY / SCIENCE / COMBINED SCIENCE*

KELAYAKAN MINIMUM:

1. Ijazah Sarjana Muda atau sebanding dalam bidang *Chemistry / Science* atau bidang bersesuaian.

Mempunyai kelulusan yang lebih tinggi adalah kelebihan.
2. Mempunyai kelulusan dan pengalaman berikut adalah keutamaan:
 - i) Mempunyai Ijazah Sarjana dalam bidang Pendidikan (*Master of Teaching*).
 - ii) Pernah mengikuti Program Immersi dengan memperolehi sekurang-kurangnya tahap tiga (03) dalam *Teacher Performance Appraisal (TPA)*, Kementerian Pendidikan atau berpengalaman mengajar di Institusi-Institusi dalam negeri sekurang-kurangnya tiga (03) tahun dengan mencapai tahap penilaian prestasi cemerlang atau sebandingnya.
3. Mempunyai pengalaman dan kemahiran dalam bidang yang dikehendaki oleh jawatan dari segi teori dan amali adalah kelebihan.
4. Boleh bertutur dan menulis dalam Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris atau lain lain bahasa antarabangsa dengan baik.



TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB:

1. Menjadi tenaga pengajar mengajar mata pelajaran *Chemistry / Science / Combined Science*;
2. Menjadi tenaga pengajar sepenuh masa dan bersedia bertugas di sekolah-sekolah rendah dan menengah di mana-mana yang ditempatkan seperti Daerah Brunei Muara, Belait, Tutong atau Temburong;
3. Mengurus dan mentadbir bilik darjah;
4. Mengurus pengajaran dan pembelajaran berasaskan kandungan pengajaran dan kaedah yang dirancang dan diteliti bersesuaian mengikut keperluan individu pelajar;
5. Mengurus dan menjaga hal ehwal pelajar;
6. Memastikan mencapai piawaian profesional dalam *Standard Guru Brunei (Brunei Teacher Standard)* yang boleh membimbing *professional learning practice and engagement* dalam mencapai tahap seorang guru yang berkualiti;
7. Bersedia untuk dilantik bagi memimpin atau mentadbir atau mengurus jabatan atau bahagian sekolah;
8. Bersedia untuk dilantik bagi mengurus kegiatan-kegiatan kokurikulum;
9. Bersedia untuk memberikan bengkel / seminar (jika diperlukan) berdasarkan kepakaran, kemahiran dan minat masing-masing;
10. Menjalankan lain-lain tugas yang diarahkan oleh pemimpin sekolah atau pegawai-pegawai atasan dari semasa ke semasa; dan
11. Bertanggungjawab dalam mencapai piawaian prestasi pengajaran sebagai salah satu pendekatan bagi peningkatan kerjaya dan perkembangan profesional dan memberi impak kepada pencapaian pelajar ditahap cemerlang.



NOTA:

DIBUKAKAN KEPADA ORANG RAMAI

Tarikh Tutup Permohonan : 23 September 2020

**Permohonan adalah secara online di laman sesawang:
bit.ly/iTeach2020
dan mengisikan borang SPA 1 dan menghadapkan dokumen-dokumen yang
diperlukan ke alamat berikut:**

**JABATAN PENGURUSAN PENDIDIK,
TINGKAT 3, BLOK A,
BANGUNAN KEMENTERIAN PENDIDIKAN,
JALAN LAPANGAN TERBANG LAMA BERAKAS BB 3510
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

PEMBERITAHUAN:

1. **Penggunaan Borang SPA/1**
 - a **Semua permohonan hendaklah dengan mengisikan borang SPA/1.**
 - b Borang SPA/1 boleh didapati dilaman sesawang Pejabat Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (www.spa.gov.bn) klik "Muat Turun" kemudian pilih Borang SPA/1 dan dikembalikan ke tempat penghantaran borang permohonan yang disebutkan **bersama-sama dengan salinan sijil-sijil, surat-surat akuan yang lengkap dan diakui sah.**
 - e **Sijil-sijil Akademik asal (asli) hendaklah dibawa semasa menghadapkan permohonan borang SPA/1 untuk pengesahan.**
 - f Pemohon hendaklah menyertakan **satu keping gambar terkini berukuran pasport.**
2. Semua kelulusan, sijil-sijil kecekapan, peperiksaan yang dikendalikan oleh badan-badan profesional yang dihadapkan bersama borang permohonan hendaklah **diiktiraf** oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam (selepas ini dipanggil **Kerajaan**).
3. Permohonan yang lewat **tidak akan dilayan.**